

PENGUNAAN KAEDAH FAHAMMS SURAH ASY-SYAMS DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENGHAFAZ SURAH ASY-SYAMS

Oleh

FARHANAH BINTI RAPIHI
farhanah_rapihi@yahoo.com

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan meningkatkan kemahiran menghafaz Surah Asy-Syams melalui penggunaan "Kaedah FAHAMMS SURAH ASY-SYAMS". Pelaksanaan kajian ini melibatkan sebuah sekolah rendah di Kuching. Tiga orang responden telah dipilih dalam kalangan murid Tahun Lima. Instrumen pengumpulan data yang digunakan ialah ujian pra, ujian pasca, temu bual, dan borang soal selidik. Kaedah analisis data menggunakan analisis kandungan manakala teknik semak data adalah triangulasi sumber. Perbandingan ujian pra dan ujian pasca menunjukkan peningkatan markah yang ketara bagi setiap peserta kajian di mana akhirnya, semua peserta kajian telah mendapat markah penuh. Dapatan kajian menunjukkan penggunaan "Kaedah FAHAMMS SURAH ASY-SYAMS" ini amat berkesan dan sangat membantu dalam meningkatkan kemahiran menghafaz Al-Quran peserta kajian. Antara cadangan bagi kajian seterusnya ialah memfokuskan lagi kaedah pengajaran, meluaskan pemilihan peserta kajian, mengaplikasikan surah lain, dan memanjangkan tempoh kajian.

(Kata Kunci: Kemahiran menghafaz, Kaedah FAHAMMS SURAH ASY-SYAMS, Al-Quran).

ABSTRACT

This study was conducted to improve the mastery level of memorizing skill in memorizing Surah Asy-Syams through 'FAHAMMS SURAH ASY-SYAMS Method'. The implementation of this study involved a primary school in Kuching. A total of three respondents were selected from the Year Five pupils. Instruments used to collect the data are the pre-test, post-test, interviews, and questionnaire. Data analysis used was content analysis, while the technique of revising data was source triangulation. The comparison between pre-test and post-test results showed improvement of distinct scores among each respondent, which was in the end, everyone achieved full marks. Through the use of 'FAHAMMS SURAH ASY-SYAMS Method', study findings show effective impact and was very helpful in improving the mastery level of memorizing skill in memorizing Surah Asy-Syams. Suggestions include for further study are to focus on teaching methods, expanding the selection criteria of the respondents, using other surah, and prolong the period of study.

(Keywords: memorizing skill, FAHAMMS SURAH ASY-SYAMS Method, Al-Quran).

PENGENALAN

Konteks

Ayat-ayat hafazan Al-Quran merupakan satu komponen yang terdapat dalam bahagian Tilawah Al-Quran. Sukatan pelajaran ini adalah selaras dengan program j-QAF namun dilaksanakan oleh semua Guru Pendidikan Islam (GPI) di semua sekolah rendah. Kandungan pelajaran ini wajib diikuti oleh semua murid Islam sekolah rendah pada semester kedua persekolahan. Pada kebiasaannya, murid-murid perlu menghafaz beberapa ayat bagi surah-surah tertentu dalam masa dua waktu pembelajaran. Oleh sebab mata pelajaran ini perlu dihabiskan sepanjang tempoh persekolahan murid, maka berlakulah masalah murid yang terabai mutu bacaan Al-Quran dan tidak mencapai objektif pembelajaran disebabkan hendak mengejar silibus di sekolah. Keadaan ini berlaku di setiap sekolah yang saya hadiri. Justeru, kajian ini mula dijalankan untuk membantu meningkatkan kemahiran menghafaz Surah Asy-Syams dalam kalangan responden dengan penggunaan 'Kaedah FAHAMMS SURAH ASY-SYAMS yang dicadangkan oleh saya.

Refleksi Pengalaman Pengajaran dan Pembelajaran

Selama dua bulan berada di Sekolah X (bukan nama sebenar), saya dapati tahap penguasaan hafazan bacaan Al-Quran murid sekolah ini agak kurang memuaskan bagi surah-surah lazim, begitu juga hafazan ayat-ayat surah hafazan. Perkara yang sama berlaku di Sekolah Kebangsaan Ceria, iaitu guru sedia ada banyak menggunakan kaedah 'Bacaan Ikut Guru (BIG) pada awalnya dan ulangan (tikrar) untuk mengajar murid menghafaz. Namun demikian, bilangan murid yang dapat menghafaz keseluruhan surah bagi bahagian pertama ayat 1 hingga 8 Surah Asy-Syams adalah sedikit, tidak termasuk bahagian Surah Asy-Syams ayat 9-15. Tahap kekurangan minat, motivasi menghafaz serta memahami maksud ayat adalah sangat merunsingkan. Guru terpaksa menggunakan kaedah berpusatkan guru bagi memenuhi silibus yang telah ditetapkan. Justeru, saya ingin menambah baik amalan P&P untuk membantu murid meningkatkan kemahiran menghafaz bagi Surah Asy-Syams melalui penggunaan kaedah dan rangsangan yang bersesuaian.

Fokus Kajian

Kajian ini dibuat bagi memperkenalkan penggunaan Kaedah FAHAMMS SURAH ASY-SYAMS dalam P&P Ayat Hafazan Surah Asy-Syams Tahun Lima. Kajian ini akan digunakan bagi meningkatkan kemahiran menghafaz murid-murid bagi Surah Asy-Syams dan mengatasi masalah murid kurang minat dalam menghafaz ayat-ayat Al-Quran. Dapatan kajian menunjukkan peningkatan markah murid sehingga mendapat 100% dalam ujian pasca. Selain itu, ketiga-tiga responden telah dapat menghafaz keseluruhan ayat Surah Asy-Syams setelah kaedah ini dijalankan. Justeru, kaedah ini diharap dapat meningkatkan minat murid terhadap amalan membaca, menghafaz ataupun memahami Al-Quran pada masa hadapan, insyaAllah.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk meneroka keberkesanan penggunaan Kaedah FAHAMMS SURAH ASY-SYAMS dalam meningkatkan kemahiran menghafaz Surah Asy-Syams.

Objektif Umum

Kajian ini dijalankan untuk meningkatkan lagi kemahiran menghafaz murid Tahun Lima yang mempunyai pelbagai kecenderungan, gaya pembelajaran, dan teknik-teknik tertentu dalam menghafaz Surah Asy-Syams. Justeru, bagi meningkatkan pelaksanaan P&P hafazan ayat-ayat Al-Quran ini secara menyeluruh di sekolah-sekolah rendah, penggunaan kaedah FAHAMMS SURAH ASY-SYAMS cuba diaplikasikan.

Objektif Khusus

- a) Mengenal pasti kesan penggunaan kaedah FAHAMMS SURAH ASY-SYAMS.
- b) Mengenal pasti respon peserta semasa Kaedah FAHAMMS SURAH ASY-SYAMS digunakan.
- c) Mengetahui kesan Kaedah FAHAMMS SURAH ASY-SYAMS terhadap murid yang lemah dalam menghafaz ayat-ayat Al-Quran.

Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menjawab persoalan kajian berikut:

- a) Apakah kesan penggunaan kaedah FAHAMMS SURAH ASY-SYAMS yang saya perkenalkan terhadap peserta kajian?
- b) Apakah respon peserta kajian semasa kaedah FAHAMMS SURAH ASY-SYAMS digunakan?
- c) Adakah kaedah FAHAMMS SURAH ASY-SYAMS boleh membantu pelajar yang lemah dalam menghafaz ayat-ayat Al-Quran?

PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN TINDAKAN

Perancangan Tindakan

Kajian ini mengambil berat tentang apakah cara lain yang berkesan yang boleh dilaksanakan bagi meningkatkan lagi keberkesanan P&P Al-Quran bagi komponen ayat-ayat hafazan di sekolah rendah. Banyak kajian yang melihat kepada tahap penguasaan bacaan Al-Quran telah dilakukan. Antaranya ialah kajian oleh Mohd Yakub, (2008) yang membincangkan tentang keupayaan bacaan Al-Quran dalam kalangan pelajar Tingkatan Empat dan kajian mengenai tahap penguasaan bacaan Al-Quran dalam kalangan guru pelatih bukan pengkhususan pengajian agama Islam oleh Nasir Mohamad, (tt). Dengan adanya kajian-kajian lepas yang telah dilakukan oleh pengkaji seperti yang tersebut, saya terdorong untuk mencari satu lagi kaedah mengajar yang bersesuaian bagi membantu tahap penguasaan bacaan dan meningkatkan kemahiran menghafaz murid.

Menurut Ahmad Mohd Salleh (2008), keberkesanan pengajaran dan pembelajaran bergantung kepada banyak faktor, antaranya faktor guru, pelajar, keadaan fizikal dan bilik darjah. Pengajaran guru juga hendaklah dirancang di samping memberi pertimbangan kepada kepelbagaian pelajar.

Oleh itu, pengkaji telah menjalankan beberapa tinjauan yang boleh digunakan untuk mewujudkan satu penggabungjalinan kaedah berupa KAEDAH FAHAMMS SURAH ASY-SYAMS untuk digunakan dalam P&P hafazan ayat-ayat Al-Quran.

Pelaksanaan Tindakan

Bagi memudahkan penerangan bagi pelaksanaan tindakan bagi kajian saya, saya telah mencipta manual penggunaan bagi mengaplikasikan kajian ini.

Cara Aplikasi:

- i. Guru melaksanakan kaedah Faham, Hafaz Cara Mudah, Menarik dan Seronok (FAHAMMS) ini mengikut kesesuaian tahap murid-murid dan mengambil kira pandangan atau idea daripada mereka, seperti kaedah kata kunci.
- ii. Sekiranya murid cenderung kepada mana-mana rangsangan, guru akan mengekalkan penggunaan tersebut tanpa perlu beralih kepada rangsangan lain. Akan tetapi, jika murid belum dapat menguasai ayat, guru boleh menggunakan rangsangan lain untuk meningkatkan tahap ingatan mereka.
- iii. Selain kaedah-kaedah tersebut, guru juga menggunakan pelbagai bahan bantu mengajar seperti video nasyid "Demi Matahari", gambar-gambar rangsangan, kad-kad ayat, sampul surat pos dan kotak-kotak soalan untuk permainan dan sebagainya.



Rajah 1: Manual Penggunaan KAEDAH FAHAMMS SURAH ASY-SYAMS

METODOLOGI

Peserta Kajian

- 3 orang murid Tahun 5 di sebuah sekolah di Kuching .
- Peserta terdiri daripada 3 orang murid perempuan.
- Terdiri daripada aras pencapaian sederhana dan lemah.
- Pemilihan peserta adalah berdasarkan kerjasama yang paling tinggi yang diberikan kepada saya berdasarkan kehadiran ke kelas. (Persampelan Dimensional oleh Chua Yan Piaw, 2006)

Etika Penyelidikan

Dalam memastikan etika penyelidikan dipatuhi, saya telah membuat surat akuan peserta kajian dan surat kebenaran menjalankan penyelidikan untuk ibu bapa atau penjaga para peserta kajian. Dalam hal ini, semua nama dan maklumat peribadi peserta kajian akan dirahsiakan. Langkah ini dilakukan demi menjaga kerahsiaan dan maklumat peribadi daripada tersebar.

Teknik Mengumpul Data

Dalam mengumpul data, saya telah menggunakan tiga jenis instrumen, iaitu menggunakan ujian pra dan ujian pasca, temu bual dan borang soal selidik.

Teknik Menganalisis Data

Data-data yang telah dikumpulkan dianalisis berdasarkan analisis kandungan. Borang soal selidik dianalisis hasil dapatan dan komen daripada murid, ibu bapa atau penjaga, serta guru-guru pembimbing.

Teknik Menyemak Data


Teknik semakan data yang digunakan adalah triangulasi sumber. Antara sumber yang digunakan ialah peserta kajian, para ibu bapa atau penjaga mereka, serta guru-guru pembimbing. Dalam hal ini, temu bual dan borang soal selidik turut digunakan.

REFLEKSI


Refleksi Dapatan

Apakah kesan penggunaan Kaedah FAHAMMS SURAH ASY-SYAMS yang saya perkenalkan terhadap peserta kajian?

Bagi menjawab persoalan kajian pertama ini, saya telah menggunakan instrumen ujian pra dan ujian pasca bagi kemahiran menghafaz sebahagian ayat Surah Asy-Syams serta disokong dengan catatan borang soal selidik daripada guru pembimbing, murid, dan ibu bapa.



Rajah 2 : Contoh jawapan ujian pra



Rajah 3 : Contoh jawapan ujian pasca

Hasil keputusan daripada ujian pra mendapati bahawa dalam ujian tersebut, ketiga-tiga peserta kajian tidak berjaya mendapat markah 100%. Markah tertinggi diperolehi oleh peserta kajian 1 dengan markah 71.4%, diikuti oleh peserta kajian kedua dengan markah 57.1% manakala markah terendah diperolehi oleh peserta kajian 3, iaitu 42.9%.

Jadual 1 : Markah ujian pra kemahiran menghafaz sebahagian ayat Surah Asy-Syams

Peserta Kajian 1		Peserta Kajian 2		Peserta Kajian 3	
Markah	Peratus (%)	Markah	Peratus (%)	Markah	Peratus (%)
5/7	71.4	4/7	57.1	3/7	42.9

Penguasaan ketiga-tiga peserta kajian dalam kemahiran menghafaz ayat-ayat Surah Asy-Syams telah meningkat setelah pengkaji melaksanakan kaedah FAHAMMS SURAH ASY-SYAMS. Dapatan yang diperolehi daripada analisis dokumen ujian pra dan pasca menunjukkan bahawa terdapat peningkatan dalam penguasaan hafazan ayat-ayat Surah Asy-Syams bagi ketiga-tiga peserta kajian tersebut.

Berdasarkan Jadual 2 di bawah, saya dapati peratusan peserta kajian yang dapat menghafaz sebahagian ayat Surah Asy-Syams sepanjang tempoh bahan bantu mengajar dan kaedah ini dilaksanakan adalah meningkat sehingga mencapai markah 100%.

Sepanjang tempoh penggunaan kaedah dan bahan bantu mengajar ini dijalankan, Peserta Kajian 1 telah berjaya menunjukkan peningkatan markah sebanyak 28.6%, iaitu daripada markah 71.4% hingga mencapai markah 100%. Peserta Kajian 2 pula telah berjaya menunjukkan peningkatan markah sebanyak 42.9%, iaitu daripada markah 57.1% hingga mencapai markah 100%. Bagi peserta kajian 3, murid ini telah menunjukkan peningkatan markah dengan peratusan tertinggi sebanyak 57.1%, iaitu daripada markah 42.9% hingga mencapai markah 100%.


Secara keseluruhannya, peratusan kenaikan tersebut membuktikan bahawa ketiga-tiga peserta kajian telah mencatatkan peningkatan markah yang amat baik

sepanjang penggunaan kaedah FAHAMMS SURAH ASY-SYAMS. Ini bermakna ketiga-tiga peserta kajian yang diuji telah berjaya menunjukkan peningkatan dalam kemahiran menghafaz ayat-ayat Surah Asy-Syams.

Jadual 2 : Markah ujian pasca kemahiran menghafaz sebahagian ayat Surah Asy-Syams

Peserta Kajian 1		Peserta Kajian 2		Peserta Kajian 3	
Markah	Peratus kenaikan (%)	Markah	Peratus kenaikan (%)	Markah	Peratus kenaikan (%)
7/7	28.6	7/7	42.9	7/7	57.1

Graf bar di bawah menunjukkan tahap peningkatan markah para peserta kajian dalam ujian pra dan ujian pasca bagi sebahagian ayat Surah Asy-Syams.



Rajah 4 : Perbezaan markah ujian pra dan pasca ayat-ayat Surah Asy-Syams bagi ketiga-tiga peserta kajian.

Apakah respon peserta kajian semasa kaedah FAHAMMS SURAH ASY-SYAMS digunakan?

Bagi menjawab persoalan kajian kedua ini, pengkaji telah menggunakan instrumen temu bual bagi kemahiran menghafaz sebahagian ayat Surah Asy-Syams serta disokong dengan catatan dalam borang soal selidik guru pembimbing, murid dan ibu bapa.

Choong Lean Keow (2011) menyatakan bahawa temu bual merupakan kaedah kutipan data kualitatif yang biasa digunakan oleh pengkaji yang ingin meneroka dan mendapatkan maklumat kajian secara mendalam. Memandangkan temu bual biasanya memerlukan interaksi bersemuka dengan subjek kajian, maka pengkaji dapat memperoleh maklumat secara langsung. Berikut adalah contoh hasil temu bual bersama peserta kajian:

- Guru : Baik, Alhamdulillah, tahniah kerana dapat menghafaz 15 ayat Surah Asy-Syams dalam hanya beberapa hari. Betul tak?
- Murid 1 : Betul.
- Guru : Alhamdulillah, ustazah nak tanya, apa perasaan Siti selepas dapat menghafaz Surah Asy-Syams yang mula- mulanya Siti rasa sukar nak hafaz, bukan? Apa perasaan selepas dapat menghafaz ni?
- Murid 1 : Seronok kerana dapat menghafaz.
- Guru : Apa yang menyebabkan Siti seronok?
- Murid 1 : Dapat cepat menghafaz.
- Guru : Rasa-rasanya, minat Siti dalam bidang hafazan bertambah atau berkurang?
- Murid 1 : Bertambah
- Guru : Selepas ni, ada rasa nak hafaz surah lain lagi tak?
- Murid 1 : Ya, ada.

Rajah 5: Contoh dapatan temu bual murid

Berdasarkan temu bual yang dijalankan, guru mendapati bahawa murid tersebut semakin mahu melibatkan diri dalam menghafaz surah kerana dia "seronok". Keyakinannya menghafaz meningkat dan dia ingin menyambung hafazannya bagi surah lain pula.

Hal ini disokong dengan dapatan yang terdapat dalam borang soal selidik murid bagi item 1 dan 2 berikut:

Jadual 3: Contoh dapatan soal selidik murid

Bil.	Soalan	Jawapan (Ya)/ Bil. responden	Jawapan (Tidak)/ Bil. responden
1.	Saya berasa seronok belajar menghafaz menggunakan kaedah FAHAMMS "MULTI-STIMULATION" SURAH ASY-SYAMS yang diperkenalkan oleh guru.	3	0
2.	Apabila diajar dengan kaedah FAHAMMS "MULTI-STIMULATION" SURAH ASY-SYAMS, saya sudah boleh menghafaz ayat-ayat Surah Asy-Syams dengan mudah.	3	0

BIL	PERKARA	RESPONS		CATATAN
		YA	TIDAK	
1	Saya berasa seronok belajar menghafaz menggunakan kaedah FAHAMMS "MULTI-STIMULATION" SURAH ASY-SYAMS yang diperkenalkan oleh guru.	✓		SAYA BERASA SERONOK BELAJAR MENGHAFAZ MENGGUNAKAN KAEDAH YANG DIPERKENALKAN OLEH USTAZAH MUDA-MUDA
2	Apabila diajar dengan kaedah FAHAMMS "MULTI-STIMULATION" SURAH ASY-SYAMS, saya sudah boleh menghafaz ayat-ayat Surah Asy-Syams dengan mudah.	✓		SUSAH LAMBE MENGHAFAZ LAMA - KELAMAHAN MENJADI SENANG

Rajah 6: Contoh dapatan soal selidik murid

Berdasarkan item no. 1 dan 2 tersebut, dapatan menunjukkan bahawa murid tersebut seronok belajar menghafaz menggunakan kaedah yang diperkenalkan oleh guru. Pada mulanya, murid tersebut merasa susah untuk menghafaz, akan tetapi lama-kelamaan menjadi senang dan dia sudah boleh menghafaz ayat-ayat Surah Asy-Syams dengan mudah.

Adakah kaedah FAHAMMS SURAH ASY-SYAMS boleh membantu pelajar yang lemah dalam menghafaz ayat-ayat Al-Quran?

Jadual 4: Contoh dapatan soal selidik guru pembimbing

Bil.	Soalan	Jawapan (Ya)/ Bil. responden	Jawapan (Tidak)/ Bil. responden
4.	Saya berpuas hati terhadap kaedah FAHAMMS MULTI-STIMULATION SURAH ASY-SYAMS yang digunakan oleh guru pelatih bagi membantu murid saya menghafaz dengan mudah, menarik dan seronok.	2	0


Bagi item 4 borang soal selidik tersebut, maklum balas menunjukkan respons “YA” bagi kedua-dua responden yang dilibatkan. Berikut merupakan contoh komen atau catatan daripada borang soal selidik guru-guru pembimbing tersebut:

Guru pembimbing 1 :


“Kaedah yang diperkenalkan sangat-sangat membantu murid yang lemah”.

Guru pembimbing 2 :

“Kaedah yang diperkenalkan sangat baik, serta membantu murid yang lemah”.



Rajah 7: Contoh dapatan soal selidik guru pembimbing



Rajah 8: Contoh dapatan soal selidik guru pembimbing

Refleksi Penilaian tindakan

Berdasarkan ujian pra dan ujian pasca, temu bual, dan hasil soal selidik daripada para peserta kajian, ibu bapa atau penjaga dan dua orang guru pembimbing, kaedah FAHAMMS SURAH ASY-SYAMS ini bukan sahaja sesuai untuk murid yang boleh membaca, tetapi juga secara tidak langsung membantu rakan-rakan lain yang lemah. Hal ini dapat diperhatikan ketika sesi tasmi' dengan guru-guru pembimbing. Rakan-rakan lain yang bukan peserta kajian turut berminat dengan penggunaan kaedah tersebut dan berusaha menghafaz ayat-ayat yang telah diberikan maksud beserta rangsangan visual pada set tersebut. Ringkasnya, penggunaan kaedah FAHAMMS SURAH ASY-SYAMS ini telah berjaya mencapai objektifnya.

Refleksi Pembelajaran Kendiri

Setelah melihat dapatan kajian, dapatlah diketahui bahawa terdapat kaedah pengajaran lain yang juga boleh dipraktikkan dalam amalan P&P Hafazan Ayat-ayat Al-Quran selain kaedah yang biasa. Penggunaan kaedah yang pelbagai dapat meningkatkan prestasi hafazan murid dari semasa ke semasa. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa penggunaan kaedah FAHAMMS SURAH ASY-SYAMS boleh meningkatkan kemahiran menghafaz murid. Kaedah yang merupakan kaedah berpusatkan murid secara *hands on and minds on* ini menunjukkan keberkesanan yang tinggi berbanding kaedah berpusatkan guru yang memperlihatkan murid pasif dalam P&P.

Cadangan tindakan untuk kitaran seterusnya

Sekiranya kajian ini akan diteruskan pada masa akan datang, saya perlu memfokuskan lagi kaedah pengajaran, meluaskan pemilihan peserta kajian, mengaplikasikan surah lain, dan memanjangkan tempoh kajian. Akhirnya, saya mestilah mengaitkan kajian dengan kaedah pengajaran yang lebih bersesuaian mengikut keadaan tahap penguasaan murid di sesebuah sekolah.

Rumusan

Secara rumusannya, kajian ini dianggap dapat menambah baik amalan P&P bagi komponen hafazan ayat-ayat Al-Quran di sekolah-sekolah. Penggunaan instrumen yang direka bagi kajian memberi manfaatnya yang tersendiri namun ianya boleh diperbaiki dengan lebih sistematik lagi dari semasa ke semasa. Keseluruhan kajian juga menunjukkan bahawa perlunya kolaborasi yang sistematik antara kesemua ciri amalan pengajaran dan pembelajaran yang akhirnya diintegrasikan secara harmoni untuk menjadikan sesuatu kaedah pengajaran dapat memberikan impak yang positif dari semasa ke semasa.

RUJUKAN

- Abdul Qadir Leong. Haji. (2005). *Tajwid Al-Qur'an Rasm 'Uthmani*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn.Bhd.
- Abdul Halim Muhammadi. (t.t.). *Kertas Konsep Kelas Tahfiz Ummah". Bandar Baru Bangi*.
- Adam Bin Sahimin. (2009). *Modaliti Seni Sebagai Pengukuh Asertif*. Kuching, Sarawak: IPGM KBL (ms. 22-35)
- Ahmad Bin Mohd Salleh. (2004). *Pendidikan Islam:Falsafah Pedagogi dan Metodologi*. Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Donald J. Treffinger. (2009). *Creativity Is Too Difficult to Measure*. Centre for Creative Learning, Inc. : National Association for Gifted Children.
- Mahyuddin Ashaari, Haji. (t.t), *Pendidikan sekolah Rendah, Menengah dan Tahfiz ABIM; Rasional, Falsafah, Kurikulum dan Operasi*.
- Mohd Farhan Abdullah al-hafiz. Ust Hj. (2008). *Kaedah Menghafaz Al-Quran Jilid 2: Surah-surah Pilihan (Dewasa)*. Selangor: Bestari Production.
- Mohd Yakub@Zulkifli Haji Mohd Yusoff dan Saidi Mohd. (2008). *Keupayaan Bacaan Al-Quran di Kalangan Pelajar Tingkatan Empat: Kajian di Beberapa Buah Sekolah Menengah Terpilih di Negeri Terengganu"*.
- Yusuf Al-Aqsary. (2010). *Teknik Ingatan Kaedah Mengatasi Lupa dan Lemah Ingatan*. Selangor. Jasmin Publications.